



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 46
Bil. 26

23hb Disember 1993

TAMBAHAN No. 13
PERUNDANGAN

Tr. P.U. 24.

AKTA PERIKANAN 1985

KAEDAH-KAEDAH PERIKANAN DARAT TERENGGANU (PINDAAN) 1993

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 38 Akta Perikanan 1985, Pihak Berkuasa Negeri Terengganu dengan ini membuat kaedah-kaedah berikut: Akta 317.

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-kaedah Perikanan Darat Terengganu (Pindaan) 1993** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.

2. Kaedah 2 Kaedah-kaedah Perikanan Darat Terengganu 1988, yang disebut "Kaedah-kaedah Ibu" dalam kaedah-kaedah ini adalah dipinda- Pindaan kaedah 2.

(1) dengan memasukkan selepas sahaja tafsiran "belat ikan" tafsiran baru "bubu" yang berikut:

' "bubu" ertinya sejenis alat menangkap ikan yang pasif yang tergolong dalam kumpulan perangkap di mana ikan-ikan akan terperangkap apabila masuk melalui pintu masuk yang dikawal oleh injab yang akan menghalang ikan-ikan daripada keluar dan rujukan kepada "membubu" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;'

3. Kaedah 3 Kaedah-kaedah ibu adalah dipinda dengan memasukkan- Pindaan kaedah 3.

- (a) selepas sahaja perenggan kecil (ii) kepada perenggan (2) dengan perenggan kecil baru (iia) yang berikut:

“(iia) membubu”; dan

- (b) Perkataan-perkataan “atau peralatan-peralatan mekanikal atau elektrik atau bubu” selepas sahaja perkataan “beracun” dalam perenggan (3).

Pindaan
kaedah 18.

4. Perenggan (1) Kaedah 18 Kaedah-kaedah Ibu adalah dipinda-

- (a) dengan menggantikan perenggan kecil-perenggan kecil (a) dan (b) dengan perenggan kecil-perenggan kecil baru (a), (b), (bb), (bc) dan (bd) yang berikut:

(a) memasuki dan menggeledah atau memeriksa mana-mana premis, vesel atau kenderaan, atau mengadakan sekatan jalan raya di mana-mana tempat yang dia mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Kaedah-kaedah ini akan, sedang atau telah dilakukan;

(b) mengambil sempal mana-mana ikan yang didapati dalam mana-mana premis, vesel, atau kenderaan yang diperiksa atau digeledah di bawah perenggan kecil (a);

(ba) menyita mana-mana vesel, termasuk kelengkapan, alat, perabot, alatan bersangkutan, storan dan kargo, atau mana-mana kenderaan yang dia mempunyai sebab bagi mempercayai sebagai telah digunakan semasa melakukan mana-mana kesalahan atau yang berhubung dengannya mana-mana kesalahan telah dilakukan di bawah Kaedah-kaedah ini;

(bb) menyita mana-mana ikan yang dia mempunyai sebab bagi mempercayai sebagai ditangkap semasa melakukan suatu kesalahan di bawah Kaedah-kaedah ini;

(bc) menyita apa-apa bahan letupan, racun, pencemar, perkakas atau alat yang dilarang yang dia mempunyai sebab bagi mempercayai sebagai telah digunakan, atau berada dalam milik seseorang, dengan melanggar Kaedah 3(3); atau

(bd) menyita mana-mana vesel penangkapan ikan yang tidak berlesen, belat ikan, bubu, peralatan menangkap ikan dan peranti mengumpul ikan.

Kaedah baru
19A, 19B, 19C
dan 19D.

5. Kaedah-kaedah Ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja Kaedah 19, Kaedah-kaedah baru 19A, 19B, 19C dan 19D yang berikut:

'Kawalan ke atas ikan hidup.

19A. (1) Tertakluk kepada Kaedah 3(4) tiada sesiapa jua boleh membawa masuk ke dalam atau mengangkut keluar dari perairan sungai mana-mana ikan hidup melainkan dengan satu permit yang dikeluarkan oleh Pegawai Perikanan Darat selama sesuatu tempoh sebagaimana ditetapkan dalam Jadual Keenam, atau dengan melanggar apa-apa syarat yang dinyatakan di dalam permit tersebut.

(2) Pegawai Perikanan Darat bolehlah mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut dalam sesuatu permit, termasuklah syarat-syarat berkenaan dengan kebersihan ikan yang akan dikeluarkan dari, atau dimasukkan ke dalam, atau diangkut dari, perairan sungai dan langkah-langkah untuk mengelakkan merebaknya penyakit ikan yang boleh berjangkit, atau untuk mengelakkan atau mengawal spesies ikan yang bukan asli daripada dilepaskan ke persekitaran semulajadi.

(3) Mana-mana permit yang dikeluarkan di bawah perenggan (1) Kaedah ini adalah tertakluk kepada bayaran fee yang dinyatakan di dalam permit itu.

Halangan terhadap Pegawai Berkusasa.

19B. Mana-mana orang yang menentang atau dengan sengaja menghalang mana-mana Pegawai Perikanan Darat atau mana-mana pegawai polis atau tidak mematuhi apa-apa arahan yang dibuat oleh mana-mana pegawai tersebut semasa menjalankan kuasa dan kewajipannya di bawah Kaedah-kaedah ini adalah bersalah melakukan suatu kesalahan dan sekiranya disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Pegawai Perikanan Darat hendaklah mengisytiharkan jawatan.

19C. Mana-mana Pegawai Perikanan Darat atau mana-mana pegawai polis yang menjalankan kuasa-kuasa di bawah Kaedah-kaedah ini hendaklah apabila diminta mengisytiharkan jawatannya dan menunjukkan kepada mana-mana orang yang terhadapnya dia mengambil tindakan, apa-apa surat pengenalan atau surat kebenaran bertulis membuktikan dia adalah pegawai berkenaan bagi maksud Kaedah-kaedah ini.

Perlindungan terhadap Kerajaan dan pegawai.

19D. Mana-mana Pegawai Perikanan Darat atau pegawai polis dan Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman adalah tidak bertanggung dalam mana-mana tindakan atau prosiding mengenai sesuatu kerosakan atau kerugian terhadap mana-mana harta, barang, benda, vesel atau kenderaan yang disebabkan oleh mana-mana pegawai tersebut pada menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Kaedah-kaedah ini melainkan kerosakan atau kerugian itu disebabkan oleh kecuaiannya atau kemungkiran pegawai itu.

6. Kaedah-kaedah ini adalah dipinda dengan memasukkan Jadual Keenam selepas sahaja Jadual Kelima.

Jadual Keenam baru.

JADUAL KEENAM

KAEDAH-KAEDAH PERIKANAN DARAT TERENGGANU 1988
(Kaedah 19A)PERMIT BAGI MEMBAWA IKAN HIDUP MASUK KE DALAM
ATAU KELUAR DARI PERAIRAN SUNGAI

Nombor Permit :
Pemegang Permit :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :
Tujuan Untuk Membawa
Berat/Jumlah :
Dari Mana :
Ke mana :
Cara Pengangkutan :
(No. Kenderaan) :
Tempoh Sah Permit :
Syarat-syarat Lain :
Tarikh :

Peringatan:

(i) Permit ini tidak boleh digunakan untuk membawa ikan yang telah ditentukan dalam Jadual Pertama (Kaedah 3(4)).

(ii) Segala Pindaan adalah tidak dibenarkan.

Bayaran : RM 50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja).

Nombor Resit Bayaran :

Pegawai Perikanan Darat,
Daerah.....

Bertarikh: 25 November 1993.

[SUK. TR. 1/66/Bhg. 7; PUN. TR. 15/46 Bhg. 2.]

OSMAN BIN MUDA,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Terengganu